

BARISAN NASIONAL AKAN MENANG — MAHATHIR

Malaysia, menuju republik disangkal

UM 24 AUG 1993

JOHOR BAHARU 23
Jogos — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari ini menyangkal keras dakwaan kononnya Malaysia sekarang sedang menuju ke arah sebuah republik.

Perdana Menteri menegaskan: "Tuduhan itu amat kebudak-budakan dan tidak perlu dijawab kerana ianya adalah satu tuduhan yang kurang siuman."

Menjawab pertanyaan para wartawan dalam sidang akhbar di akhir lawatan 2 hari ke Johor Baharu bagi meninjau kemajuan yang dicapai menjelang pilihanraya kecil Parlimen Johor Baharu 25 Ogos ini beliau memberitahu:

Pelbagai tuduhan didengar termasuk soal republik "dan tuduhan ini amat kebudak-budakan dan tidak siuman. Macam mana saya hendak buat, nak campak raja-raja ke laut?" tanya beliau.

Serentak dengan itu beliau menyatakan keyakinanannya calon Barisan Nasional akan menang kerana partila-

Oleh
Abdullah Hassan

wan tidak mempunyai isu kecuali isu supaya bencikannya.

"Mereka hanya membangkitkan rasa benci para pengundi dan tidak ada isu lain yang konstruktif untuk melawan Barisan Nasional.

"Amat rugi jika para pengundi terpengaruh dengan isu pihak lawan dan memberi undi kepada mereka," jelasnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin para penduduk Johor Baharu tidak akan terperangkap dengan cara mereka dan akan memberi sokongan kepada Barisan Nasional.

Mengenai penyertaan 92 orang - 40 dari DAP dan 52 PSRM - ke dalam UMNO (Baru) dan menyerahkan borang mereka kepadanya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mereka mendapat gambaran sebenar mengenai parti dan kerajaan dalam kempen pilihanraya ini.

Apabila ditanya sama ada pilihanraya kecil ini ada kebaikan juga setelah malam tadi beliau menyatakan pilihanraya kecil ini tidak perlu tetapi diadakan kerana terdapat orang mempermainkan perlembagaan, Perdana Menteri menjawab:

"Kebaikannya ada tetapi jika dibandingkan dengan kos, tidak memadai dan tidak patut.

"Tidak guna adakan pilihanraya dan berjaya tarik orang masuk UMNO kerana kosnya tinggi. Ini adalah satu pembaziran."

Mengenai penyertaan kumpulan 17 untuk menyertai UMNO, Datuk Sri mengulangi bahawa mereka yang tidak terlibat dengan kes di Mahkamah hingga UMNO jadi haram, boleh diterima tetapi mereka yang terlibat tidak akan diterima.

"Kita tidak mahu orang-orang semacam ini di dalam UMNO kerana mereka boleh buat kacau," jelasnya.

Mengenai kemasukan Datuk Musa pula, beliau memberitahu pintu adalah terbuka tetapi penentuan bergantung kepada Majlis Tertinggi UMNO (Baru) dan bukan keputusannya seorang.

Ditanya mengenai penjelasannya malam tadi, beliau menyatakan terpaksa mempertahankan diri dari serangan dan tuduhan tidak benar dan secara peribadi.

"Saya kecewa, rakan saya itu yang saya sokong dan beri tempat kepadanya hingga orang lain marah sanggup buat tuduhan palsu dan ini amat mengecewakan saya," jelasnya.

Bagaimanapun, tidak ada perang terbuka antaranya dan Datuk Musa "cuba saya rasa penting saya pertahankan diri dan saya cakap apa BN boleh buat."